

KOPERASI PEKERJA-PEKERJA
JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA BERHAD

ATURAN KUMPULANWANG PENDIDIKAN

1. Tajuk

- (1) Aturan ini dinamakan Aturan Kumpulanwang Pendidikan Koperasi Pekerja-Pekerja Jabatan Perdana Menteri Malaysia Berhad atau ringkasanya “Aturan Kumpulanwang Pendidikan”.
- (2) Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 52(1)(i) dan dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung Tahunan Anggota Koperas ini dan Ketua Pendaftar.

2. Tujuan

- (a) Merancang, menjalankan dan mengawal segala aktiviti yang berkaitan dengan Kumpulanwang Pendidikan ini.
- (b) Mengumpulkan Wang untuk hadiah pendidikan, bantuan pendidikan, pinjaman pendidikan dan biasiswa pendidikan.
- (c) Mengeluarkan hadiah, bantuan, pinjaman dan biasiswa pendidikan kepada sesiapa yang layak.
- (d) Meningkatkan mutu pendidikan anggota-anggota dan anak-anak mereka sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Lembaga.

3. Sumber Kewangan

Sumber Kewangan bagi melaksanakan aktiviti ini adalah diperolehi dari :

- (a) Peruntukan dari keuntungan Koperasi ini yang diluluskan oleh mesyuarat Agung Tahunan Anggota mengikut undang-undang kecil 63(2)(f);
- (b) Pulangan dari pelaburan Wang Kumpulanwang Pendidikan ini;
- (c) Derma dan sumbangan dari anggota-anggota dan lain-lain pihak

4. Pentadbiran

- (1) Kumpulan wang Pendidikan ini hendaklah ditadbirkan oleh Lembaga yang berkuasa penuh atas segala keputusan memilih dan menolak calon-calon memberi, menahan, menyambung dan menetapkan amaun hadiah, bantuan, pinjaman dan biasiswa pendidikan yang hendak dikeluarkan serta memberhentikan pembayaran serta apa jua yang difikirkan munasabah oleh Lembaga.
- (2) Lembaga adalah berkuasa untuk mengistiharkan pada sesuatu tahun sama ada untuk mengeluarkan hadiah, bantuan, pinjaman atau biasiswa sahaja tertakluk kepada kedudukan kewangan Kumpulanwang ini.
- (3) Lembaga bolehlah melantik sebuah Jawatankuasa Pendidikan di bawah Undang-undang kecil 43(2)(V) untuk menjalankan tugas-tugas dan kewajipan berikut :-
 - (a) Mengatur pengiklanan atau pemberitahu rancangan pengeluaran hadiah, bantuan, pinjaman atau biasiswa pendidikan;
 - (b) Mengurus, menerima dan memproses segala permohonan sebelum dikemukakan untuk pertimbangan lembaga;
 - (c) Menemuduga calon-calon jika perlu;
 - (d) Membuat penilaian dan kajian keadaan pelajar dan keluarga;
 - (e) Menjalankan sebarang tugas dan kewajipan lain yang ditentukan oleh lembaga keatasnya dari masa ke semasa.
- (4) **Pemberian hadiah, bantuan, pinjaman dan biasiswa kepada anggota-anggota dan tanggungannya yang menuntut di tempat-tempat berikut :-**
 - (a) Semua institusi pendidikan dalam dan luar negeri yang diiktiraf oleh kerajaan;
 - (b) Semua Yayasan dan institusi latihan yang berkaitan dengan gerakan koperasi yang dianjurkan oleh Koperasi dan badan-badan yang diiktiraf oleh kerajaan di dalam dan luar negeri.

(5) Penentuan pelajar di dalam aturan ini adalah dimaksudkan sebagai :-

- (a) Darjah 1 hingga Tingkatan VI di mana-mana sekolah, maktab, institusi atau yayasan pendidikan yang diiktiraf oleh kerajaan;
- (b) Kursus Matrikulasi, Diploma dan Ijazah di mana-mana maktab dan institusi atau yayasan pendidikan tinggi yang diiktiraf oleh kerajaan secara sepenuh masa atau sambilan;
- (c) Kursus Ijazah lanjutan (post graduate) yang diiktiraf oleh kerajaan secara sepenuh masa atau sambilan.

(6) Pelaburan

- (1) Lembaga bolehlah, apabila difikirkan sesuai, melaburkan semua atau sebahagian daripada kumpulan wang ini dalam saham-saham siar harga dan tidak siar harga, saham-saham amanah, bond-bond kerajaan, mana-mana bank dan institusi kewangan berlesen yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar.
- (2) Apa-apa pulangan dari pelaburan ini hendaklah dimasukkan semula ke dalam Kumpulanwang ini atau dilaburkan semula bagi menambah kewangan kumpulanwang ini.

(7) Kemudahan Kumpulanwang

Kemudahan-kemudahan yang dikeluarkan di bawah Kumpulanwang ini adalah di dalam bentuk :-

- (a) Hadiah, bantuan, pinjaman dan biasiswa Pendidikan Anak-anak Anggota;
- (b) Hadiah, bantuan, pinjaman dan biasiswa pendidikan Anggota-anggota yang diberi kepada anggota-anggota yang mengikuti latihan, menyambung pelajaran di institusi pengajian tinggi dan lain-lain keperluan yang berkaitan dengan pergerakan koperasi di dalam dan luar negara.

(8) Kadar bayaran

Kadar bayaran yang boleh dibayar pada setiap tahun hendaklah diputuskan oleh Lembaga bergantung kedudukan kewangan Kumpulanwang ini.

(9) Kelayakan Permohon

Kemudahan di bawah Kumpulanwang ini adalah terbuka kepada :-

(a) Hadiah, bantuan, pinjaman dan biasiswa Pendidikan

Anak-anak Anggota. Anak-anak anggota termasuk anak tiri dan anak angkat yang sah disisi undang-undang.

(10) Permohonan

Semua permohonan hadiah, bantuan, pinjaman dan biasiswa hendaklah di buat diatas boring rasmi yang disediakan oleh Lembaga. Borang ini hendaklah di isi dengan sempurna dan dikembalikan kepada lembaga berserta dengan perkara-perkara berikut :-

(a) Surat akuan Guru Besar/ Pengetua sekolah, Maktab, Institusi –institusi atau ketua jabatan.

(b) Dokumen lain yang ditentukan oleh Lembaga.

(11) Proses Permohonan

- (1) Borang-borang permohonan, apabila di terima, hendaklah diproses oleh Setiausaha Kehormat yang mana akan menentukan permohonan-permohonan itu dibuat mengikut kehendak-kehendak dan syarat- syarat aturan ini sebelum diperakukan kepada Jawatankuasa Pendidikan.
- (2) Pertimbangan Jawatankuasa Pendidikan hendaklah berdasarkan kepada bukti-bukti dan kenyataan-kenyataan yang ada dikemukakan bersama-sama dengan borang permohonan dan seterusnya membuat perakuan-perakuan kepada lembaga mencadangkan kadar hadiah, bantuan, pinjaman dan biasiswa yang boleh dipertimbangkan oleh Lembaga.
- (3) Perakuan-perakuan tersebut hendaklah di buat di dalam borang yang disediakan oleh Lembaga.

(12) Pembayaran

Semua pembayaran hadiah, bantuan, pinjaman dan biasiswa boleh di buat hanya selepas tarikh Lembaga mengadakan Mesyuarat bagi meluluskannya.

(13) Tahun Kewangan

Tahun kewangan Kumpulanwang ini adalah sama seperti tahun kewangan Koperasi ini.

(14) Pengantungan Kumpulanwang

- (1) Jika kedudukan kewangan Kumpulan ini tidak mengizinkan dikeluarkan hadiah, bantuan , pinjaman dan biasiswa maka lembaga hendaklah menggantung akan aktivitinya sehingga kedudukan kewangannya dipulihkan semula.
- (2) Anggota-anggota Koperasi ini hendaklah diberitahu melalui surat pekeliling mengenai penggantungan atau pemulihan semula Kumpulanwang ini.

(15) Audit

Akaun Kumpulanwang ini hendaklah di audit bersekali dengan lain-lain akaun Koperasi ini setahun sekali.

(16) Makluman Kepada Mesyuarat Agung Anggota

Lembaga hendaklah membentangkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Anggota laporan-laporan mengenai aktiviti-aktiviti Kumpulanwang ini serta membuat cadangan-cadangan bagi memajukannya.

(17) Pertikaian

Jika berbangkit sebarang perselishan faham di atas tafsiran aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Ketua Pendaftar mengikut Undang-undang kecil 78 Koperasi ini.

Aturan ini di terima dan dipersetujui oleh anggota-anggota di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Anggota Koperasi ini pada

.....
Pengerusi

.....
Setiausaha

.....
Bendahari